




JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

26 JUN 2024 (RABU)

Subsidi telur dialu-alukan, tetapi isu lebih besar juga perlu diatasi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Forum	18	26 Jun



PENTING untuk melabur dalam pengeluaran makanan tempatan bagi menstabilkan harga makanan.

Subsidi telur dialu-alukan, tetapi isu lebih besar juga perlu diatasi

SAUDARA PENGARANG.

INISIATIF kerajaan untuk memberikan subsidi harga telur perlu dilihat sebagai langkah sementara memandangkan subsidi dalam jangka panjang adalah tidak mampu.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menyokong usaha menurunkan harga makanan tetapi menggesa kerajaan untuk menangani cabaran keterjaminan makanan yang sudah lama berlaku dengan lebih mendalam.

Rakyat Malaysia mengambil lebih 940 juta telur sebulan, menjadikan telur sebagai sumber protein yang penting dan berpatutan dengan kegunaan masakan yang pelbagai. Sementara subsidi lain juga perlu dilihat, CAP menentang subsidi bagi gula kerana kadar diabetes yang tinggi di Malaysia dan tertinggi di rantau Pasifik Barat selain antara yang tertinggi di peringkat global.

Purata pengambilan gula isi rumah dianggarkan sebanyak 2.6 kilogram (kg) sebulan, menyumbang dengan ketara kepada isu kesihatan. Perniagaan ayam dan itik sangat bergantung kepada makanan import, merupakan 70 peratus daripada jumlah kos menternak ayam.

Untuk menstabilkan harga makanan, adalah penting untuk melabur dalam pengeluaran makanan tempatan. Institusi pengajian tinggi (IPT) telah menjalankan penyelidikan yang meluas mengenai pengeluaran makanan haiwan yang kos efektif dan berkhasiat.

Ini boleh mengurangkan kebergantungan kepada import dan menyokong pertanian tempatan. Lebih-lebih lagi, perniagaan ayam dan itik perlu mempertimbangkan untuk mengurangkan pergantungan mereka terhadap ayam ternakan import dari Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS).

Dengan penurunan harga telur, penting bagi peruncit untuk mematuhi harga yang diluluskan. Pengguna juga boleh melaporkan peruncit yang tidak patuh kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Kerajaan mesti memangani cabaran keterjaminan makanan yang telah lama wujud dengan lebih mendalam. Oleh sebab itu, Malaysia perlu segera memulihkan sektor pertaniannya untuk memastikan keterjaminan makanan bagi negara.

MOHIDEEN ABDUL KADER

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)

Lambakan haiwan import jeaskan 40,000 penternak lembu, kambing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	30	26 Jun

Lambakan haiwan import jeaskan 40,000 penternak lembu, kambing

Oleh DIANA SURYA ABD WAHAB
utusannews@mediamulia.com.my

KUANTAN: Kira-kira 40,000 penternak lembu dan kambing tempatan di seluruh negara terjejas dan berdepan risiko gulung tikar ekoran lambakan haiwan berkenaan dari Thailand yang seolah-olah tiada penyelesaian sejak 2016.

Seorang penternak, Mohd. Razi Hassan, 43, berkata, harga lembu dan kambing Thailand tidak masuk akal dan mereka yang mengusahakannya mampu mengau keuntungan berlipat kali ganda sehingga boleh menjadi 'tauke' segera.

"Penawaran harga lembu dan kambing Siam ini kadangkala dilihat seperti tidak masuk akal kerana mereka jual jauh lebih murah iaitu sekitar RM1,700 hingga RM2,500 bagi seekor lembu manakala RM300 hingga RM500 bagi kambing.

"Pembeli sememangnya berusaha mendapatkan lembu dan kambing jauh lebih murah memandangkan haiwan ternakan tempatan harga yang ditawarkan sedikit mahal kerana bukan sahaja menternak sehingga dua tahun, malah menggunakan dedak dan diet yang berkualiti.

"Bagi penternak tempatan, kita jual ikut saiz, matang dan



GOLONGAN penternak terjejas ekoran lambakan lembu dan kambing dari Thailand yang dijual murah berbanding lembu serta kambing tempatan. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

memang sudah sesuai untuk urusan ibadah korban serta aqiqah yang mana harga lembu di antara RM4,000 hingga RM5,500. Kambing pula purata harga sekitar RM700 hingga RM1,200 juga bergantung kepada saiz," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Mohd. Razi berkata, untuk berdepan persaingan lembu dan kambing Thailand khususnya

pada musim perayaan, penternak tempatan terpaksa menu rungkan harga haiwan ternakan.

"Haiwan tersebut tidak boleh disimpan terlalu lama kerana perlu menanggung kos makanan. Jadi, dengan sto lembu dan kambing pada musim perayaan ini, kita terpaksa jual murah sedikit," katanya.

Sementara itu, Pengurus Koperasi Generasi Transformasi

Ruminan (GTR) Malaysia, Nor din Mat berkata, isu lambakan lembu dan kambing Thailand terutama pada musim perayaan bukan baharu kerana masalah itu sudah berlariut sejak 2016.

Katanya, saban tahun ke masukan haiwan-haiwan itu dari Thailand semakin meningkat hingga tidak dapat dibendung disebabkan beberapa faktor iaitu bekalan di Malaysia

berkurangan dan harga lembu dari Australia yang semakin meningkat tinggi.

"Kesan lambakan tersebut membuatkan penternak tempatan terpaksa berusaha keras khususnya dalam urusan permintaan serta penawaran haiwan tempatan.

"Masalah ini kalau tidak dibendung di peringkat penguatkuasaan terutama di sempadan dan ladang-ladang berhampiran sempadan memang tidak selesai. Penternak bila-bila masa sahaja boleh gulung tikar dan sememangnya sudah ramai pun yang terpaksa bertindak demikian," katanya.

Tambah beliau, kebanyakkan lembu dan kambing dari Thailand merupakan haiwan yang sebelumnya diimport dari Myanmar.

Menurutnya, perkara yang menjadi kebimbangan adalah kurangnya penguatkuasaan di sempadan menyebabkan haiwan-haiwan tersebut terlepas masuk ke negara ini tanpa melakukan saringan.

"Dengan kuantiti terlalu banyak dan cara yang mudah untuk dibawa masuk, menjadikan penjualan juga jauh lebih murah berbanding haiwan ternakan tempatan yang ditemak dengan cara terkawal serta baik," katanya.

Meniaga lembu bawa untung lebih

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	18	26 Jun

Meniaga lembu bawa untung lebih

MARANG – Seorang bekas penyelia projek berpuas hati apabila tindakannya berhenti kerja sejak enam tahun lalu berbaloi apabila dia kini mempunyai 43 ekor lembu yang membawa pendapatan lumayan buat dirinya sekeluarga.

Aiman Asyraf Kamarudin, 33, berkata, dia tidak menyangka lima ekor lembunya yang dibela pada permulaannya hasil modal yang disumbang ahli keluarga kini berkembang biak.

Katanya, dia terus mencebur penernakannya lembu fidlot pada 2018 selepas berhenti sebagai penyelia projek di sebuah syarikat swasta di Kuantan, Pahang.

"Salah satu sebab ialah saya menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan bekalan daging lembu domestik yang ketika itu cuma 30 peratus.

"Lembu yang diternak adalah daripada baka brahman, charolais dan limousine. Haiwan itu semua diberi makan

jagung, silaj, rumput segar dan pallet," katanya ketika ditemui di Kampung Tok Fakir, Merchang di sini semalam.

Menurut Aiman Asyraf, dia menjaga pemakanan lembu untuk memastikan ternakan itu menghasilkan daging yang berkualiti tinggi.

Tambahnya, pelanggan berpuas hati dengan lembu dibekalkan dan suka dengan tekstur daging yang kurang berlemak, padat dan lebih lembut.

"Saya namakan ladang ini sebagai Aiden Cattle Farm yang kini mempunyai tiga pekerja yang membantu memberi makan lembu dan membersihkan kandang secara berkala," kata dia yang merupakan calon penernak jaya Marang.

Ujar Aiman, ladang ternakannya dipilih sebagai kandang bimbingan oleh jabatan veterinar yang membolehkannya menerima khidmat nasihat, pemantauan perkembangan ternakan dan bantuan.



AIMAN ASYRAF memberi makan kepada sebahagian lembu peliharaannya di Kampung Tok Fakir, Merchang, Marang semalam.

No cracks in egg sale under new ceiling price

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	6	26 Jun

No cracks in egg sale under new ceiling price

PUTRAJAYA: No traders were found selling chicken eggs above the new government-mandated ceiling price, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry said.

Its enforcement director-general Datuk Azman Adam said a week-long monitoring of 1,828 wholesale and retail premises revealed full compliance with the newly reduced egg prices across various shopping hubs such as public markets, farmers' markets and supermarkets.

He said 2,200 enforcement officers were deployed to ensure adherence to the pricing regulations.

"The ministry has acted against six traders for failing to display required pink price tags and two more cases for not displaying prices," Azman said in a statement.

Datuk Seri Anwar Ibrahim recently announced reductions to retail prices for Grade A, B, and C chicken eggs to 42 sen, 40 sen and 38 sen per egg respectively, effective from June 17.

The Prime Minister said the government's decision to further lower retail prices of Grade A, B and C chicken eggs nationwide by an additional 3 sen each was part of efforts to pass on savings from the subsidy rationalisation to consumers.

Azman said the ministry acknowledged that the majority of traders comply with laws and conduct their business ethically.

Bachok hab lembu sado di Malaysia

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negari	26	26 Jun

Bachok hab lembu sado di Malaysia

Miliki bentuk badan besar, berotot cecah berat satu tan

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
BACHOK

Kesungguhan dan keghairahan penduduk di jajahan ini mengusahakan ternakan lembu sado secara serius menjadikan Bachok sebagai hab pergeluaran haiwan itu di Malaysia.

Lembu sado dari Bachok dikatakan antara baka terbaik dengan bentuk badannya yang besar dan otot berganda sehingga boleh mencelah berat satu tan.

Situasi itu dapat dilihat apabila terdapat lebih 60 penternak dalam kalanngan anak muda yang memelihara lembu sado.

Seorang penternak, Mohd Zulkifli Ali, 39, dari Kampung Panjang, Perupok di sini berkata, kerja-kerja memelihara dan membela lembu sado mulai po-

pular dalam kalanngan penternak di Bachok sejak 20 tahun lalu.

"Saya sendiri tidak pernah terfikir akan menjadi penternak tetapi apabila melihat orang sekeliling memelihara lembu sado, minat itu hadir."

"Alhamdulillah, setakat hari ini saya telah memiliki sebuah ladang yang menempatkan 70 ekor lembu sado. Ladang ini sering dikunjungi ramai bagi mendapatkan baka lembu tersebut," katanya ketika dijumpai di sini pada Selasa.

Menurutnya, lembu sado yang dimiliki mencecah harga bermula RM10,000 hingga RM30,000 bergantung kepada jenis dan berat.

Ujarnya, setiap kali menjelang Aidiladha, dia tidak me-nang tangan melayan permintaan pelanggan yang datang dari seluruh negara.

Mohd Zulkifli berkata, antara faktor utama ia menjadi pilihan untuk korban kerana ramai yang mengatakan daging lembu sado lebih enak dan lembut berbanding yang biasa.

"Malah, setiap bahagian yang dibayar mereka akan memperoleh sekitar 600 hingga 700 kilogram daging," katanya yang menjadikan penternak empat tahun lalu.

Dijual sehingga RM30,000 seekor

Sementara itu, Mohd Nasrul Hakimi Mohd Noor, 36, yang memiliki 30 ekor lembu sado berkata, lokasi Bachok yang berhampiran laut menyebabkan rumput yang ditanam dipercayai mengandungi tinggi mine-



Mohd Zulkifli dari Kampung Panjang, Perupok, Bachok bersama sebahagian lembu sado miliknya.

ral, sekali gus membantu lembu sado cepat membesar dan gemuk.

"Disebabkan itu, kalau ditanya kepada peminat lembu ini mereka akan memilih lembu sado dari Bachok berbanding tempat lain kerana lebih sasa," katanya.

Menurutnya, lembu sado miliknya dijual pada harga sekitar RM20,000 hingga RM30,000.

"Selain dagingnya dimakan, lembu sado banyak digunakan bagi tujuan pertandingan," kata-nya.

Bagi peminat lembu sado, Zulkifli Yaacob, 55, pula mengakui baka dari Bachok adalah yang terbaik, bukan sahaja di Malaysia, malah setanding di peringkat dunia.

Katanya, lembu sado dari baka *Limousine* miliknya pernah merakam sejarah dalam dunia penteranagan di negara ini pada tahun 2020 apabila meraih tempat ketiga dalam pertandingan Limousine-Champion of The World Category Asia/Africa yang

diadakan di Perancis.

Zulkifli yang hampir 10 tahun terlibat dalam ternakan lembu sado berkata, kejayaan lembu yang diberi nama *Jogho* itu disifatkan sebagai salah satu bentuk pengiktirafan tertinggi buat penternak lembu sado di negara ini khususnya di Bachok.

"Namun, minat tersebut ter-

paksa dihentikan sementara waktu kerana faktor harga dedak terlampau mahal.

"Bela lembu sado tidak boleh bergantung kepada rumput semata-mata.

"Jadi, saya terpaksa menyembeli dan menjual semua lembu sado yang ada kerana faktor kos tinggi," katanya.



Selain dagingnya dimakan, lembu sado kerap digunakan untuk tujuan pertandingan.



Menurut Mohd Nasrul Hakimi, lembu sado miliknya dijual pada harga sekitar RM20,000 hingga RM30,000 seekor.



70 ekor lembu sado di Perupok, Bachok.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR